



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE RELIGIOSITY OF MUSLIM WHO PARTICIPATES IN TAUHIDIC SCIENCE EDUCATION]

RELIGIOSITI BAGI MURID MUSLIM ALIRAN SAINS YANG MENGIKUTI PENDIDIKAN SAINS SECARA TAUHIDIK

ZAINUN MUSTAFA^{1*}
NOORAIDA YAKOB²

¹School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia.

²Institut Kefahaman Islam Malaysia

*Corresponding author: zainunmustafa@gmail.com.

Received Date: 7 April 2020 • Accepted Date: 29 Sept 2020

Abstract

This article discusses the findings of a study that measures the level of religiosity of students who participated in a tauhidic science education program for six months. The study aims to gauge the worldview and personality of students after being exposed with science education interdisciplinary with Islamic religious education. This study employs the set of Muslim Religiosity Personality Index (MRPI). Based on the findings of this study, this group of students has a moderate level of Islamic Worldview, but high Religious Personality. The findings of this study provide information about the religious experience among students based on the program in which they have enrolled.

Keywords: Religiosity, MRPI, worldview, personality, Islamic Science

Abstrak

Artikel ini membincangkan dapatan kajian yang mengukur tahap religiositi murid yang mengikuti program pendidikan Sains secara tauhidik selama enam bulan. Kajian ini bertujuan untuk memahami tahap pandangan hidup dan personaliti murid yang mengikuti pendidikan Sains secara inter disiplin dengan pendidikan agama Islam. Kajian ini menggunakan set *Muslim Religiosity Personality Index* (MRPI). Berdasarkan dapatan kajian, kumpulan murid ini mempunyai tahap *Islamic Worldview* yang sederhana, namun Religious Personality yang tinggi. Dapatan kajian ini memberikan maklumat tentang pengalaman beragama dalam kalangan murid dan berkenaan program yang telah dijalankan.

Kata Kunci: Religiositi, MRPI, pandangan hidup, Personaliti, Sains Islam

Cite as: Zainun Mustafa & Nooraida Yakob. 2021. Religiositi bagi Murid Muslim Aliran Sains yang mengikuti Pendidikan Sains secara Tauhidik. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 256-265.

PENGENALAN

Religiositi merujuk kepada pengalaman beragama secara multidimensi yang mengukur kepercayaan, komitmen dan nilai agama yang dianuti (Markette, 2012; Muhammad Syukri, 2012). Dalam kajian berkaitan religiositi, kepercayaan (*belief*) dan amalan (*practice*) dalam beragama dapat dikaji dengan mendalam (McAdams, 2010). Khusus bagi agama Islam, religiositi Muslim sering kali melibatkan kajian berkenaan 1) pandangan hidup Islam (*Islamic Worldview*) iaitu asas pengetahuan, kepercayaan dan pemahaman berdasarkan pandangan hidup tauhid dan 2) perwatakan dan akhlak berdasarkan penghayatan dalam amalan ibadah dan muamalat (*Religious Personality*) (Jamiah et al., 2013).

Manakala, murid aliran Sains tulen pula merupakan murid yang mempunyai kemampuan kognitif yang baik dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dalam peperiksaan awam semasa tingkatan tiga (Abdullah, 2018). Kumpulan murid ini biasanya disasarkan untuk memenuhi keperluan professional dalam bidang berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik pada masa akan datang (Zainudin, Halim & Iksan, 2016). Dalam kajian ini, murid-murid yang menjadi responden telah mengikuti satu program khusus yang menggunakan prinsip pendidikan Sains secara tauhidik bagi mata pelajaran Biologi di sekolah bermajoritikan Muslim. Program ini melibatkan penambahbaikan dalam kurikulum kebangsaan dengan mengorientasikannya agar bersifat tauhidik. Melalui program tersebut, pembelajaran Biologi dilakukan secara tauhidik dengan menggunakan lima tatacara iaitu 1) mengaitkan ayat al-Quran dan al-Hadith yang bersesuaian, 2) mengaitkan sumbangan ahli falsafah atau ahli sains Islam yang terkenal, 3) mengaitkan fenomena sains semasa untuk dikupas dari pandangan 'sains dan Islam', 4) mendalami sejarah tentang kegemilangan perkembangan ilmu Sains dan pemikiran saintifik dan 5) rumusan akhir setiap topik diakhiri dengan perbincangan holistik menimbangkan sudut pandang Islam.

Kajian ini bertujuan untuk memahami tahap religiositi kumpulan murid yang telah mengikuti program selama enam bulan. Pemahaman terhadap tahap religiositi merupakan ruang untuk meneroka kepercayaan, pengetahuan dan pemahaman tentang pandangan hidup tauhid Islam serta manifestasinya dalam tindakan murid Muslim dari aliran Sains tulen secara empirik.

Persoalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini ialah:

1. Apakah tahap Islamic Worldview murid yang mengikuti pendidikan Sains secara tauhidik?
2. Apakah tahap Religious Personality murid yang mengikuti pendidikan Sains secara tauhidik?

KAJIAN LITERATUR

Kajian berkenaan religiositi sering memberikan tumpuan terhadap sistem kepercayaan pada metafizik, set moral, sikap serta matlamat keramat (sacred goal) (McAdams, 2010). Ia merupakan aspek yang tertanam dalam diri seseorang merangkumi sistem kepercayaan dan amalan (Horton, 2007). Bagi Markette (2012) pula, religiositi ialah ukuran tahap komitmen keagamaan seseorang dalam kepercayaan dan dimensi berkaitan atau kepercayaan kepada kuasa tertinggi yang memotivasikan tindakan atau nilai tertentu. Secara ringkas, religiositi melibatkan sistem kepercayaan dan amalan beragama yang dimanifestasikan daripada sistem kepercayaan tersebut.

Bagi mengukur tahap religiositi dalam kalangan Muslim, beberapa penyelidik menekankan kepentingan menggunakan pengukuran multidimensi tentang sistem kepercayaan (Abu-Raiya & Pargament, 2011). Pemilihan instrumen religiositi perlu menimbangkan kepelbagaian fahaman, aliran dan mazhab dalam agama Islam. Setelah menimbangkan variasi pendekatan dalam kajian berkaitan religiositi, set Muslim *Religiosity-Personality Inventory* (MRPI) (Krauss, 2005; Krauss & Azimi, 2011) telah dipilih bagi mengukur religiositi bagi kajian ini. Inventori ini melibatkan ukuran terhadap 1) pengetahuan, kepercayaan dan kefahaman berdasarkan pandangan hidup tauhid Islam, dan 2) manifestasi kesedaran Tuhan (*God-consciousness*) dalam kehidupan seharian dan beramal mengikut kesedaran tersebut. Inventori ini telah dibangunkan berdasarkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi amalan di Malaysia (Jamiah et al., 2013; Krauss et al., 2006).

Terdapat tujuh asas yang telah menjadi sandaran dalam pembinaan konstruk inventori tersebut. Tujuh asas tersebut ialah 1) hukuman atau penilaian berasaskan perkara yang terzahir sahaja, 2) pengukuran religiositi daripada perspektif Islam boleh dibuat, namun begitu nilai sebenar adalah di sisi Allah s.w.t., 3) asas pengukuran adalah manifestasi iman, Islam dan ihsan, 4) iman perlu dibuktikan dengan amalan, 5) penghayatan syariat Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia, 6) simbol yang mempunyai perkaitan dengan religiositi tidak semestinya mempunyai interpretasi yang sama bagi individu yang berbeza dan 7) piawai pengukuran dan personaliti Muslim adalah al-Quran dan sunnah (Jamiah et al., 2013).

MRPI terdiri daripada dua konstruk iaitu *Islamic Worldview* dan *Religious Personality* (Krauss, 2005). Secara operasinya, konstruk *Islamic Worldview* adalah berdasarkan akidah tauhid Islam berdasarkan rukun iman. Worldview merupakan terjemahan daripada istilah Bahasa Jerman iaitu *weltanschauung* yang membawa maksud ‘pandangan hidup’ atau ‘pandangan dunia’ atau ‘cara seseorang melihat dunia’ (Abdul Latif, 1993). *Worldview* merupakan istilah yang sering dibincangkan dalam bidang falsafah yang membawa maksud yang sama dengan tassawur (Sh. Mohd Saifuddin, 2012). Secara spesifiknya pula, Pandangan hidup Islam (*Islamic Worldview*) membawa maksud yang sama dengan pandangan hidup tauhid (*Tauhidic Worldview*) iaitu pemikiran serta kepercayaan Muslim terhadap keesaan Allah s.w.t yang mencipta, mentadbir dan mengurus alam serta penyerahan diri kepada Allah s.w.t dan mentaati segala perintah-Nya sebagai hamba dan khalifah (Sidek, 2009, 2013; Suhaimi, 2013). Secara keseluruhannya, pandangan hidup tauhid atau pandangan hidup Islam merupakan paradigma seseorang Muslim terhadap keesaan dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t yang tersirat dalam pernyataan rukun iman (Mohd Kamal, 2010; Noraini & Salasiah, 2013; Sidek, Mohamad Johdi, Tareq, & Ridwan, 2015).

Dengan yang demikian, konstruk *Islamic Worldview* dalam MRPI merujuk kepada pengetahuan, kepercayaan dan pemahaman atau pandangan hidup tentang tauhid Islam yang berpusatkan penghambaan diri kepada Allah s.w.t. Oleh itu, konstruk ini mengukur pengetahuan dan pernyataan persepsi (*perception statement*) berkenaan kandungan rukun iman. Konstruk *Islamic Worldview* digunakan bagi menjelaskan kepercayaan, pengetahuan dan kefahaman tentang sistem anutan seseorang individu. Hal ini disokong dengan pandangan bahawa konstruk *Islamic Worldview* merupakan komponen kognitif yang melibatkan aspek kepercayaan dan pengetahuan tentang kesedaran terhadap ketuhanan (Annalaksmi & Mohammed Abeer, 2011).

Manakala, konstruk *Religious Personality* dalam MRPI pula secara operasinya mengaitkan dua kategori iaitu ibadah khusus dan muamalat (ibadah umum) berdasarkan rukun Islam dan konsep ihsan. *Religious Personality* pula merupakan konstruk yang digunakan untuk mengukur akhlak yang dituntut dalam ajaran Islam secara berterusan dan sedar tentang peranan di dunia dan akhirat; yang memanifestasikan pandangan hidup Islam dalam kehidupan seseorang Muslim (Krauss, 2005). Konstruk ini digunakan untuk mengukur tindakan, atribut, sikap, amalan, motivasi, perilaku dan emosi yang menjadi penentu kompilasi perilaku individu berdasarkan pegangan agama Islam merangkumi ibadah umum dan khusus.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan terhadap responden yang dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*). Bagi menginterpretasikan tahap religiositi, data yang dikumpulkan telah dianalisis berdasarkan manual penskoran MRPI yang telah dibangunkan oleh Krauss dan Azimi (2011). Seramai 48 responden telah menjawab inventori tersebut yang terdiri dari item berskala Likert 6 aras. Data-data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 23.3. Kajian ini menggunakan kaedah penskoran individu dengan membandingkan skor individu dengan taburan normal bagi populasi Malaysia secara relatif. Berikut ialah jadual bandingan tersebut.

Jadual 1

Jadual Tahap Religiositi Piawai (Krauss & Azimi, 2011).

Konstruk	Rendah	Sederhana	Tinggi
<i>Islamic Worldview</i>	< 3.71	3.71-4.67	> 4.67
<i>Religious personality</i>	< 3.03	3.03-4.07	> 4.07

Krauss (2005) menyatakan bahawa apabila min *Islamic Worldview* melebihi aras min belia Malaysia iaitu 4.19, maka ia merupakan petunjuk bahawa responden mempunyai ‘pandangan hidup tauhid yang lebih maju, respond bias positif yang lebih besar dan tahap pengetahuan agama Islam yang tinggi atau kombinasi antaranya’. Demikian juga bagi *Religious Personality*. Bagi dapatan yang melebihi aras min belia Malaysia iaitu 3.55, ia menunjukkan ‘akhlak yang dipandu Pendidikan Agama Islam serta dimotivasikan dengan kesedaran tuhan (God-consciousness) yang maju, bias respond positif yang tinggi, pengetahuan agama Islam yang sangat baik atau kombinasi antaranya.’

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati bahawa min bagi Islamic Worldview ialah 3.90 dengan sisihan piawai 0.33. Nilai skewness dan kurtosis pula masing-masing ialah -0.42 dan 0.68. Bagi Religious Personality pula, min yang diperoleh ialah 4.72 dengan sisihan piawai 0.51. Data ini didapati bertaburan secara normal kerana dengan nilai skewness dan kurtosis adalah -0.68 dan 0.27. Maka, keseluruhan data bertaburan secara normal iaitu dalam lingkungan nilai skewness dan kurtosis antara 2 hingga -2 (George & Mallery, 2010; Field, 2000).

Merujuk panduan Krauss (2005), tahap Islamic Worldview adalah bagi murid adalah sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara relatifnya berbanding profil belia Malaysia, murid-murid yang dikaji mempunyai pandangan hidup Islam yang sederhana maju, bias respond positif yang sederhana, pengetahuan agama Islam yang baik atau kombinasi antaranya. Manakala min tahap Religious Personality murid-murid adalah tinggi berbanding min profil belia Malaysia. Sehubungan dengan itu, dapatan ini merupakan petunjuk bahawa murid mempunyai personaliti agama yang dipandu Pendidikan Agama Islam serta dimotivasikan dengan kesedaran Tuhan (God-consciousness) yang maju, bias respon positif yang tinggi, pengetahuan agama Islam yang sangat baik atau kombinasi antaranya.

PERBINCANGAN

a. Tahap Islamic Worldview murid yang mengikuti pendidikan Sains secara tauhidik

Memandangkan analisis yang dilakukan bagi mengukur tahap religiositi adalah bersifat statistik deskriptif, maka perbincangan dapatan kajian menjurus kepada perbandingan dengan kajian-kajian yang menggunakan instrumen yang sama atau menggunakan prinsip yang sama.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa min bagi *Islamic Worldview* ialah 3.90 iaitu sederhana. Tahap *Islamic Worldview* yang sederhana bagi murid-murid secara relatif adalah seiring dengan kajian-kajian yang sedia ada. Pertama ialah kematangan usia responden kajian. Dekcard dan Dewitt (2003) serta Ritchie, Gow dan Deary (2014) mendapati bahawa pandangan hidup seseorang adalah dinamik dan dapat berubah berdasarkan perkembangan usia. Berdasarkan responden kajian, murid yang terlibat dalam kajian berusia 15-16 tahun dan dikategorikan sebagai belia muda atau remaja (*adolescents*) (Kementerian Belia dan Sukan Negara, 2015). Pada usia remaja ini, murid masih cuba membentuk identiti berdasarkan sistem kepercayaan (Fowler & Levin, 1984) dan kematangan kognitif (Wadsworth, 1971). Oleh yang demikian, pemahaman pengalaman beragama ini mampu memberikan maklumat tentang dinamik yang berlaku antara kepercayaan dan kematangan kognitif remaja.

Kedua adalah tempoh pendedahan terhadap program. Walaupun tempoh remaja merupakan waktu mulanya wujud konflik dalaman tentang sistem kepercayaan (Harris, Howell, & Spurgeon, 2018), namun demikian, bagi Muslim pembentukan pandangan hidup berlaku bermula daripada pengenalan azan semasa bayi lagi (Ulwan, 2008). Melalui kajian ini, murid baru sahaja didedahkan dengan pendidikan Sains secara tauhidik selama enam bulan sahaja. Dengan yang demikian, pengetahuan, pemahaman dan kepercayaan berdasarkan pandangan hidup tauhid Islam yang sederhana ini menjelaskan tentang keperluan pendedahan program

bagi satu jangka masa yang lebih panjang agar pemikiran murid dapat diasuh dengan lebih berkesan.

Ketiga adalah kandungan program. Melalui program ini, murid didedahkan dengan konsep pendidikan Sains tauhidik oleh guru mata murid Sains. Dengan yang demikian, guru mata pelajaran tersebut mengasuh murid dalam kapasitinya sebagai guru mata pelajaran Biologi dan bukan ustaz atau ustazah yang mengajar agama Islam. Maka, orientasi program lebih menjurus kepada asuhan untuk membina pemikiran saintifik dan akhlak saintis Muslim (Khalijah, 2014) tanpa penambahan daripada pengetahuan agama Islam. Oleh itu, merujuk kepada kandungan dan orientasi program, murid hanya mengikuti pelajaran agama Islam mengikut silibus kebangsaan yang semasa oleh guru agama tanpa tambahan pengetahuan kandungan (*content knowledge*) dalam mata pelajaran agama Islam. Hal ini menjelaskan tentang pengetahuan, pemahaman dan kepercayaan murid yang sederhana tentang agama Islam yang diukur menggunakan konstruk *Islamic Worldview*.

Keempat adalah latar belakang sistem pendidikan murid sebelum mengikuti program. Menurut Nadzirah, et. al (2014) dan Krauss (2005), *Islamic Worldview* meningkat seiring dengan tahap pendidikan. Apabila seseorang mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi, asas pengetahuan, pemahaman dan kepercayaan tentang agama Islam meningkat seiring dengan penambahan ilmu berkaitan agama Islam di institut pengajian tinggi. Responden kajian ini mengikuti sistem persekolahan di Malaysia yang mewajibkan mata pelajaran pendidikan Islam bagi Muslim peringkat sekolah rendah dan menengah. Walau bagaimanapun, pendidikan wajib mata pelajaran tersebut di sekolah kebangsaan adalah bersifat pengetahuan asas dan lebih berorientasikan keperluan peperiksaan (Che Noraini & Hassan, 2008).

b. Tahap *Religious Personality* murid yang pendidikan Sains secara tauhidik

Religious Personality mengukur kesediaan menjalankan tanggungjawab kepada Allah s.w.t. Dapatan kajian mendapati profil personaliti agama (*Religious Personality*) murid yang mengikuti program adalah bertaburan normal dengan min 4.72 dan tinggi berbanding profil belia Malaysia.

Krauss (2005) telah menjelaskan bahawa tahap *Religious Personality* tidak dipengaruhi oleh pencapaian akademik kerana konstruk ini melibatkan motivasi, perilaku, sikap dan emosi dalam beribadat. Hal ini turut dipersetujui oleh Annalaksmi dan Mohammed Abeer (2011). Menurut mereka, walaupun konstruk *Religious Personality* merupakan manifestasi aspek pandangan hidup tauhid Islam yang diterjemahkan dalam amalan, namun begitu kedua-dua konstruk ini tidak semestinya saling mempengaruhi. Justeru, seseorang yang mempunyai pandangan hidup tauhid Islam yang baik tidak semestinya mampu mengamalkannya dalam kehidupan. Maka, rasional dapatan tahap *Islamic Worldview* sederhana dan *Religious Personality* yang tinggi dalam kalangan responden kajian seumpama ini terletak kepada prinsip pelaksanaan program. Berdasarkan dapatan ini, murid-murid yang mengikuti program mempunyai pengetahuan agama Islam yang sederhana sahaja, namun demikian amalan mereka telah dimotivasikan dengan kesedaran Tuhan (*God-consciousness*) yang tinggi.

Dapatan kajian ini adalah berbeza dengan dapatan Krauss (2005). Dalam kajian Krauss (2005), tahap *Religious Personality* yang dilaporkan adalah rendah dalam kalangan belia yang berpelajaran tinggi. Beliau menjustifikasikan dapatan tersebut dengan mengaitkan sistem

pembelajaran sekolah yang mewajibkan pendidikan Islam hanya secara teori menyebabkan penghayatan pada amalan berkaitan kurang ditekankan. Syed Othman dan Hasnan (2001) membincangkan hal ini mendakwa bahawa pendidikan Islam di sekolah hanya tertumpu kepada ilmu Fardu Ain tanpa mampu mengadaptasikannya dalam tindakan seharian dan nilai kehidupan.

Selain percanggahan dakwaan Krauss (2005), dapatan ini juga bercanggah kajian Nadzirah et al. (2014). Nadzirah et al. (2014) mendakwa bahawa *Religious Personality* meningkat seiring dengan pertambahan umur. Namun berdasarkan dapatan kajian ini, hal ini adalah bertentangan. Walaupun responden kajian baru berusia 16 tahun, murid-murid telah menunjukkan *Religious Personality* yang tinggi. Maka, walaupun murid yang mengikuti program bukan daripada aliran persekolahan yang niche agama Islam serta hanya menunjukkan tahap *Islamic Worldview* yang sederhana tetapi mereka mempunyai motivasi yang tinggi untuk melakukan ibadah dan muamalat secara positif. Bagi menjelaskan perihai ini, analisis kajian ini terbatas untuk menentukan profil tahap *Religious Personality* secara relatif tanpa mencari sebab atau faktor yang mempengaruhinya. Namun demikian, berpandukan dapatan kajian ini, wujud satu persekitaran ekologi yang secara positifnya telah mempengaruhi *Religious Personality* yang tinggi dalam kalangan responden.

Melalui modifikasi kurikulum yang dilakukan dalam program pendidikan Sains secara tauhidik, murid diasuh untuk bertafakur berkenaan al-Quran dan fenomena berkaitan sains, pendedahan tentang sejarah saintis Islam dan akhlak yang dituntut dalam Islam dalam menyemangati kejayaan saintis Muslim. Asuhan program ini bertujuan agar murid dapat membentuk keutuhan akidah tauhid Islam semasa mendalami ilmu Biologi. Walaupun terdapat kemungkinan bahawa pendekatan program ini menjelaskan tentang motivasi dan kesedaran tentang ketuhanan yang tinggi untuk melakukan amalan berkaitan agama, namun kajian lanjut perlu dilakukan bagi mengesahkannya.

Kajian lain mendedahkan bahawa perbincangan terhadap isu sensitif dalam konteks agama Islam juga dikaitkan dengan peningkatan tahap religiositi (Khraim, 2010). Malah dapatan Husni et al., (2014) juga telah melaporkan bahawa, individu yang terlibat dengan amalan keagamaan seperti solat dan mengaji al-Quran secara konsisten menunjukkan tahap *Religious Personality* yang tinggi. Perkara ini agak lazim dalam kalangan murid yang terikat dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan amalan kerohanian secara rutin apabila menetap di asrama. Hal ini disahkan melalui dapatan kajian oleh Nurwahidah et al. (2013) yang mendapati murid yang menetap di asrama menunjukkan psiko-spiritual yang tinggi. Krauss (2005) juga menjelaskan bahawa *Religious Personality* yang tinggi dikaitkan dengan aktiviti pemantapan amalan kerohanian secara berterusan berbanding sekadar pendedahan kepada pengetahuan sahaja seperti rutin pagi yang bersifat Islamik dan kursus berkaitan amalan agama. Oleh itu, bahawa *Religious Personality* yang tinggi dalam kalangan responden menunjukkan bahawa responden kajian ini menjalankan amalan yang berkaitan dengan ibadah secara rutin.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi memahami aspek yang kurang diberikan perhatian iaitu pemahaman tentang pengalaman beragama atau religiositi dalam kalangan murid aliran Sains yang mengalami pembelajaran Sains rentas bidang khususnya Sains dengan agama. Walaupun kajian

ini tidak memberikan maklumat yang mendalam dan terperinci tentang pengurusan ilmu sains-agama dalam amalan murid, namun dapatan kajian ini memberikan petunjuk awal secara empirik tentang tahap pengalaman beragama yang didokong oleh murid yang beragama Islam setelah mengalami pembelajaran sains secara tauhidik.

Justeru, tahap *Islamic Worldview* yang sederhana dalam kalangan murid yang mengikuti program pendidikan secara tauhidik selama enam bulan ada rasionalnya. Melalui program ini, murid hanya diasuh dengan kandungan atau pengetahuan agama Islam berdasarkan sukatan pelajaran kebangsaan. Hal ini menjelaskan pandangan hidup Islam murid yang sederhana. Tetapi, walaupun tidak begitu seiring dengan kajian-kajian lepas, tahap *Religious Personality* yang tinggi dalam kalangan murid yang mengikuti Program Bida'i selama enam bulan merupakan petunjuk bahawa kumpulan murid tersebut mempunyai personaliti agama yang dipandu Pendidikan Agama Islam serta dimotivasikan dengan kesedaran tuhan (*God-consciousness*) yang maju.

Dapatan kajian ini memberikan petunjuk bahawa pendidikan Sains secara tauhidik telah memberikan persekitaran positif kepada kumpulan murid yang dikaji untuk membina personaliti Muslim yang lebih baik berbanding dengan piawai. Namun generalisasi sebegini ia perlu dilakukan secara berhemah kerana kajian murid-murid yang menjadi responden kajian ini menginap di asrama, disaring mengikut kemampuan kognitif, aliran Sains tulen dan belajar di sekolah bermajoritikan Muslim. Namun pada masa yang sama, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kandungan pengetahuan agama Islam bagi murid yang mempunyai kemampuan kognitif yang baik perlu ditambah baik samada secara inklusif dalam program pendidikan atau secara terpisah. Justeru, dicadangkan agar pendidikan Sains secara tauhidik dijalankan secara kolaboratif antara guru Sains dengan guru pendidikan agama Islam agar pandangan hidup Islam dan manifestasinya dalam amalan dapat digarap dengan baik dalam kalangan murid aliran Sains tulen.

RUJUKAN

- Abdul Latif Samian. 1993. *Pengenalan sejarah dan falsafah sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu-Raiya, H., & Pargament, K. I. 2011. Empirically based psychology of Islam: summary and critique of the literature. *Mental Health, Religion & Culture*, 14(2), 93-115. doi: 10.1080/13674670903426482
- Annalaksmi, N., & Mohammed Abeer. 2011. Islamic worldview, religious personality and resilience among Muslim adolescent in India. *Europe's Journal of Psychology*, 7(4). doi: 10.5964
- Che Noraini Hashim, & Hassan Langgulung. 2008. Islamic religious curriculum in Muslim countries: the experinces of Indonesia and Malaysia. *Bulletin of Education & Research*, 30(1), 1-19.
- Dekcard, S., & Dewitt, D. (2003). *Developing a creator-centered worldview*. Ramona: Vision Publishing.
- Fowler, J. W., & Levin, R. W. 1984. Stages of faith: The psychology of human development and quest for meaning. *International Journal for Philosophy of Religion*, 15(1), 89-92.

- Harris, K. A., Howell, D. S., & Spurgeon, D. W. 2018. Faith Concepts in psychology: Three 30-year definitional content analyses. *Psychology of Religion And Spirituality*, 10(1), 1-29.
- Horton, C. C. 2007. An exploration of the impact of undergraduate students' religiosity on their daily college experience (Tesis Phd.). University of Alabama.
- Husni Mohd Radzi, Lilie Zahara Ramly, Farhaniza Ghazali, Sapora Sipon, & Khatijah Othman. 2014. Religious and spiritual coping used by student in dealing with stress and anxiety. *International Journal of Asian Social Science*, 4(2), 314-319.
- Jamiah Hj Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, Hasnan Kasan, Steven Eric Krauss, Khairul Anwar Mastor, Turiman Suandi, Fazilah Idris. 2013. Prinsip Pengukuran Religiositi Dan Personaliti Muslim. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 1(1), 36-43.
- Jamiah, Azimi H. Hamzah, Turiman Suandi, Sidek M. Noah, Rumaya Juhari, Jamiah H. Manap, . . . Azma Mahmood. 2006. Exploring regional differences in religiosity among Muslim youth in Malaysia. *Review of Religious Research*, 47(3), 238-252.
- Kementerian Belia dan Sukan Negara. 2015. Indeks belia Malaysia 2015 (pp. 1-117). Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
- Khalijah Mohd. Salleh 201). *Sains tauhidik dan implikasi terhadap pendidikan*. dalam Khalijah Mohd. Salleh (Ed.), *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM.
- Khraim, H. 2010. Measuring religiosity in consumer research from Islamic perspective. *International Journal of Marketing Studies*, 2(2).
- Krauss, S. E. 2005. Development of the Muslim religiosity-personality inventory for measuring the religiosity of Malaysian Muslim youth (Tesis Phd). Community and Peace Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Krauss, S. E., Azimi Hj. Hamzah, Rumaya Juhari, & Jamaliah Abd. Hamid. 2005. The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI): Towards understanding differences in the islamic religiosity among the Malaysian Youth. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 13(2), 173-186.
- Krauss, S. E., Azimi H. Hamzah, Turiman Suandi, Sidek M. Noah, Rumaya Juhari, Jamiah H. Manap, Azma Mahmood. 2006. Exploring regional differences in religiosity among Muslim youth in Malaysia. *Review of Religious Research*, 47(3), 238-252.
- Markette, J. A. A. F. 2012. A quasi-experimental study of religiosity of undergraduate students enrolled in an online Christian worldview course (Tesis Phd), Grand Canyon University, Arizona
- McAdams, K. K. 2010. Understanding Religiosity: A Preliminary Evaluation of A Process Model Linking Religiosity To Relationship Outcome (Tesis Phd.). Michigan State University
- Mohd. Kamal Hassan. 2010. A Return to the Quranic paradigm of development and integrated knowledge: The ulul al-bab model. *Intellectual Discourse*, 18(2), 183-120.
- Muhammad Syukri Salleh. 2012. Religiosity in development : A theoritical construct of an Islamic-based development. *International Journal of Humanities And Social Science*, 2(14), 266-272.

- Nadzirah Ahmad Basri, Hong, G. C., & Oon, N. L. 2014. The Relationship between Islamic religiosity, depression and anxiety among Muslim cancer patients. Kertas kerja dibentangkan di The Asian Conference on Psychology And Behavioral Sciences, Osaka.
- Nor Aini Aziz. 2002. Keberkesanan pendekatan pengajaran konstruktivis dalam membina semula konsepsi pelajar terhadap konsep-konsep fotosintesis dan makanan (Tesis Phd). Universiti Sains Malaysia.
- Nurwahidah Ab Gani, Othman, N., & Basir, S. N. M. 2013. Perbezaan Personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di semenanjung Malaysia. *Journal of Human Development And Communication*, 2, 105-110
- Ritchie, S. J., Gow, A. J., & Deary, I. J. 2014. Religiosity is negatively associated with later-life intelligence, but not with age-related cognitive decline. *Intelligence*, 46, 9-17. doi: 10.1016/j.intell.2014.04.005
- Sh. Mohd Saifuddin Sh. Mohd Salleh. 2012. Tipologi interaksi antara agama dan sains: Satu penilaian dan cadangan menurut perspektif Islami (Tesis Phd). Universiti Malaya.
- Sidek Baba. 2009. Zikir dan fikir. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Baba. 2013. Integrasi dalam pendidikan. *Solusi*, 56.
- Sidek Baba, Mohamad Johdi, S., Tareq, M. Z., & Ridwan, H. 2015. A Quranic methodology from integrating knowledge and education: Implication for Malaysia's Islamic education strategies. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 32(2), 1-17.
- Suhaimi Mhd Sarif. 2013. The influence of tawhidic paradigm on the development of a unified theory of the firm. Kertas kerja dibentangkan di 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013), Kuala Lumpur.
- Suhaimi Mhd Sarif, & Yusof Ismail. 2013. Developing the ulū al-albāb model for sustainable value and wealth creation through social entrepreneurship. *International Journal of Business, Economics and Law*, 2(1), 28-35
- Ulwan, A. N. 2008a. *Pendidikan anak-anak dalam Islam* (Vol. 1). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Wadsworth, B. J. 1971. *Piaget's Theory of cognitive development*,: Foundation of constructism (5th Edition ed.). UK: Pearson.
- Zainudin, S., Halim, L. H., & Iksan, Z. 2016. How 60: 40 policy affects the development of science curriculum in Malaysia. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 3, pp. 1396-1405)